

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 26 MAC 2018

MUKA SURAT: 08

PR1MA perkenal model pembangunan berorientasi transit

KUALA LUMPUR 25 Mac - Komited menyokong usaha kerajaan dalam menyediakan kediaman berkualiti bagi golongan berpendapatan sederhana, Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) memperkenalkan sebuah projek baharu yang menggunakan model pembangunan berorientasikan transit (TOD).

Berkonsepkan kediaman yang terletak berhampiran dengan lokasi tumpuan pekerjaan, sekolah, kemudahan kesihatan dan pengangkutan awam bersepadu seperti sistem transit aliran ringan (LRT) dan transit aliran massa (MRT), secara langsung

akan meningkatkan mobiliti dan produktiviti rakyat.

Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Abdul Mutalib Alias (**gambar**) berkata, Perdana Menteri memberi mandat kepada PR1MA untuk melaksanakan projek TOD di lapan lokasi sepanjang jaringan LRT.

"TOD adalah model pembangunan hartanah kediaman dan komersial yang semakin popular terutamanya di kota-kota besar di dunia seperti Singapura, Hong Kong dan Washington bertujuan memaksimumkan penggunaan tanah di kawasan bandar serta menggalakkan lagi penggunaan pengangkutan awam.

"Cempaka, Pandan Indah, Pandan Jaya, Titiwangsa, Bandar Baru Sentul, Jelatek, Kinrara dan Bandar Puteri adalah lapan lokasi yang telah disenaraikan oleh Perdana Menteri dan untuk fasa pertama TOD PR1MA akan bermula di dua lokasi iaitu Cempaka dan Pandan Jaya," katanya ketika ditemui di Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional di Dewan Tun Abdul Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Ekspo tersebut dianjurkan



oleh agensi perumahan Persekutuan dan negeri termasuk PR1MA; Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT); Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Rumah Wilayah Persekutuan (RU-MAWIP), bertujuan menggalakkan pemilikan rumah dalam kalangan golongan berpendapatan rendah (B40) dan berpendapatan sederhana (M40) bermula 24 Mac sehingga 1 April ini.